




KOBANAS


KOPERASI KREDITAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD



**20
23**



LAPORAN TAHUNAN




LAPORAN TAHUNAN

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD
(KOBANAS)

20
23




AKTIVITI PERNIAGAAN




PEMBIAYAAN

Pembiayaan Tunai
Pembiayaan Konsumer



TAKAFUL

Takaful Kenderaan
Takaful Kebakaran



AR-RAHNU


Gadaian Emas
Simpanan Emas
Jualan Produk Emas/Gold Bar
Cucian Emas

**Untuk info lebih lanjut, sila rujuk halaman aktiviti perniagaan*

AKTIVITI PERNIAGAAN


FARMASI

*Alam Budiman, Shah Alam
Wangsa Melawati, Kuala Lumpur*



KAFE & PARKING


*Perkhidmatan Makan & Minum
Perkhidmatan Tempat Letak Kereta
Wisma BSN*




RUMAH REHAT

*KOBANAS mempunyai empat(4) buah
rumah rehat.*


*Johor
Sabah
Sarawak
Terengganu*



ISI KANDUNGAN



Kata-kata Aluan Ketua Eksekutif BSN / Penaung KOBANAS	i
Perutusan Ketua Pegawai Perniagaan/Penasihat KOBANAS	ii
Perutusan Pengerusi KOBANAS	iii
Anggota Lembaga Koperasi KOBANAS	iv
Senarai Nama Jawatankuasa dan Perwakilan Negeri Sesi 2023-2025	1-5
Senarai Nama Pengurusan/Kakitangan Koperasi	6-8
Jawatankuasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke-31	9-10
Aturcara Perasmian dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke-31	11-12
Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke-31	13-15
Prinsip-Prinsip Koperasi	16-18
Visi, Misi, Objektif & Moto Koperasi	19-22
Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Kali ke-30	23-37



ISI KANDUNGAN

Laporan Anggota Lembaga Koperasi	38-43
Laporan Juruaudit Dalaman	44-48
Laporan Juruaudit Luar (A.Razak & Co)	49-53
Laporan Berkanun Anggota Lembaga	54-56
Pandangan Suruhanjaya ke Atas Akaun Tahunan 2022	57-61
Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023	62-100
Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan Tahun 2024 – 2025	101-104
Aktiviti Perniagaan	
Aktiviti KOBANAS Edisi 2023	

KATA KATA ALUAN DARIPADA PENAUANG KOBANAS

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, ucapan terima kasih daripada saya kepada Pengurusan KOBANAS kerana memberi ruang buat saya untuk menyampaikan sepatah-dua kata di dalam Buku Laporan Tahunan bagi tahun 2023.

Syabas buat KOBANAS dan perwakilan KOBANAS khususnya kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-31 selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil KOBANAS.

TAHNIAH juga saya ucapkan kepada KOBANAS kerana berjaya merekodkan keuntungan yang lebih tinggi bagi tahun 2023 berbanding tahun 2022. Peningkatan keuntungan ini membolehkan KOBANAS memberikan pulangan dividen yang lebih baik kepada anggota KOBANAS.

Saya menyeru agar Pengurusan KOBANAS terus meningkatkan prestasi untuk tahun-tahun akan datang dengan mengamalkan tadbir urus yang cekap dan telus, kawal selia yang berkesan, komited dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab. Ini adalah kunci utama dalam memastikan kecemerlangan sesebuah koperasi.

Di samping itu sokongan dan kepercayaan yang tuan/puan berikan selaku anggota KOBANAS juga amat penting untuk memastikan KOBANAS terus kekal berdaya saing serta dapat memberi khidmat yang baik kepada setiap anggota. Pihak Pengurusan BSN akan sentiasa memastikan sokongan dan pantauan yang bersesuaian kepada KOBANAS untuk terus maju demi kepentingan dan manfaat anggotanya secara keseluruhan, selaras dengan objektif dan hala tuju Bank Simpanan Nasional.

Selamat bermesyuarat kepada semua Perwakilan dan Pengurusan KOBANAS.

Sekian, terima kasih.



(JAY KHAIRIL JEREMY ABDULLAH)



**KETUA EKSEKUTIF
BANK SIMPANAN NASIONAL
MERANGKAP PENAUANG KOBANAS**

PERUTUSAN DARIPADA PENASIHAT KOBANAS



Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Selaku penasihat kepada KOBANAS, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada KOBANAS terutama kepada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), perwakilan serta warga kerja KOBANAS kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali ke-31. Saya percaya bukanlah mudah untuk sesebuah koperasi mengekalkan prestasinya selama 31 tahun sehingga sekarang.

Syabas KOBANAS kerana masih mengekalkan keuntungan yang baik bagi tahun 2023. Saya berharap Pengurusan KOBANAS akan terus komited bagi mengekalkan prestasi keuntungan ini dan seterusnya dapat memberi pulangan dividen yang baik kepada anggota.

Saya yakin kerjasama yang padu daripada semua pihak termasuklah Pengurusan BSN, ALK, Jawatankuasa Audit Dalam, pegawai dan anggota KOBANAS dapat merealisasikan objektif utama KOBANAS. Harapan saya, agar anda dapat terus melaksanakan tugas serta amanah yang dipertanggungjawabkan dengan adil, saksama serta berdedikasi demi manfaat dan faedah serta kebajikan untuk lebih kurang 4,500 anggota KOBANAS.

Saya juga ingin menyarankan kepada kakitangan BSN yang masih belum menjadi anggota KOBANAS untuk mengambil peluang ini dan sama-sama menganggotai KOBANAS. Kemudahan dan manfaat yang disediakan memang berbaloi dan menguntungkan. Kepada anggota KOBANAS pula, saya menyeru kepada anda semua untuk terus memberikan sokongan kepada KOBANAS. InsyaAllah, sokongan daripada anda semua akan memastikan matlamat dan rancangan yang disusun oleh KOBANAS dapat dijalankan dengan jayanya sekaligus memberi pulangan yang kepada anggota dalam bentuk dividen.

**KETUA PEGAWAI PERNIAGAAN
BANK SIMPANAN NASIONAL
MERANGKAP PENASIHAT KOBANAS**

Akhir kata, harapan saya kepada semua yang terlibat dalam mesyuarat agung kali ini agar dapat menggunakan peluang yang ada dengan baik untuk berbincang dan memberi idea-idea bernas demi kepentingan Koperasi khususnya dan anggota amnya.

Sekian, terima kasih.

(MUJIBBURRAHMAN ABD RASHID)

PERUTUSAN PENGERUSI KOBANAS

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T pemilik sekalian alam kerana dengan taufik dan hidayahNya kita dapat melaksanakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke 31. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam mengurus dan mentadbir KOBANAS sekaligus membangkitkan semangat untuk terus melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh dedikasi.

Saya mewakili Anggota Lembaga Koperasi (ALK) mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua perwakilan yang hadir pada mesyuarat agung kali ini. Saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada barisan ALK, Perwakilan dan Pengurusan KOBANAS yang terus memberikan kerjasama bagi memastikan KOBANAS berada, selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan.

Tahun 2023 sekali lagi memperlihatkan KOBANAS terus dapat mengekalkan prestasi keuntungan yang lebih baik seperti tahun-tahun sebelumnya. Lanjutan daripada prestasi keuntungan ini, ALK telah bersetuju mencadangkan pembayaran dividen pada kadar 9% atas modal syer dan 6% atas modal yuran. ALK juga bersetuju mencadangkan bonus tambahan sebanyak 1% atas modal syer bagi anggota yang menyumbang kepada keuntungan KOBANAS melalui pembiayaan.

Saya yakin dengan kerjasama dan sokongan semua pihak terutama anggota KOBANAS, prestasi pencapaian keuntungan ini akan dapat ditingkatkan pada masa hadapan dan secara tidak langsung ianya dapat memberi pulangan dividen yang lebih baik kepada anggota. Bagi memastikan prestasi ini terus meningkat, pihak ALK yang telah diberi amanah akan terus merangka dan merancang pelan strategik yang komprehensif bagi menentukan hala tuju terutama perniagaan sedia ada dan perniagaan yang akan diceburi pada masa akan datang.

Akhir kata, saya selaku Pengerusi KOBANAS ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia, ANGKASA dan Pengurusan Tertinggi BSN yang sentiasa memberikan kerjasama, bimbingan dan sokongan kepada KOBANAS.

Sekian, terima kasih.



(HAMZAH HJ. IBRAHIM)



PENGERUSI KOBANAS


ANGGOTA

LEMBAGA KOPERASI

SESI 2023/2024




Dari Kiri : Harudin Asmal Bin Haron, Kamaruzaman Bin Abdul Kayum (Pen. Bendahari), Megat Zulkifli Bin Megat Mohamad, Mohd Kamaruzaman Bin Nor, Jamsari @ Ridzuan Bin Mohd Noor (Setiausaha), Hamzah Bin Hj. Ibrahim (Pengerusi), Mohamad Khasnieddy Bin Khasimi @ Mohamed (Naib Pengerusi), Zainuddin Bin Hj. Ngah Rabu (Bendahari), Suzana Binti Abdul Malik (Pen. Setiausaha), Rosafandi Bin Hj. Rusli, Izham Bin Ismail, Hj. Mohd Ghazali Bin Abu Zahid



SENARAI NAMA JAWATANKUASA

&

PERWAKILAN NEGERI SESI 2023-2025



JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

1.	Rosli bin Husshin	Pengerusi
2.	Mohd Abkahalihatul Rohaizad bin Abd Karim	Setiausaha
3.	Syafeq Effendi bin Ramli	Jawatankuasa
4.	Muhammad Izwan bin Abd Rahim	Jawatankuasa
5.	Nur Aliah binti Kassim	Jawatankuasa

JAWATANKUASA BADAN PENELITI

1.	Mohd Nazir bin Jasin	Pengerusi
2.	Omar Adani bin Tengah	Jawatankuasa
3.	Mohd Riduan bin Hassan	Jawatankuasa
4.	Muhamad Zairi bin Abdullah	Jawatankuasa

IBU PEJABAT

1.	Faizal bin Mohamed	Pengerusi Perwakilan
2.	Mazlina binti Malik	Setiausaha Perwakilan
3.	Muhammad Faizal bin Ariffin	Perwakilan
4.	Yasman bin Hamid	Perwakilan
5.	Noor Haslily binti Mohd Haniff	Perwakilan
6.	Sabri bin Yahia	Perwakilan
7.	Mohammad Saiful bin Mansor	Perwakilan
8.	Roslee bin Ahmad	Perwakilan
9.	Ahmad bin Jali	Perwakilan
10.	Mohd Helmy bin Abu Samah	Perwakilan
11.	Ros Azman Shah bin Ab Rahim	Perwakilan
12.	Intan Nurul Safina binti Zaharin	Perwakilan
13.	Mas Azurra binti Mazlan	Perwakilan
14.	Meor Mohd Tarmizzi bin Meor Mohd Shukri	Perwakilan
15.	Anuwar bin Khamis	Perwakilan
16.	Rosli bin Hassan	Perwakilan
17.	Mohd Redzuan bin Omar	Perwakilan
18.	Ali bin Abdul Aziz	Perwakilan
19.	Mohd Fadzil bin Ismail	Perwakilan
20.	Nur Farhana binti Ramli	Perwakilan
21.	Zahariah binti Abdullah	Perwakilan

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

1.	Mohd Saini bin Mohd Shariff	Pengerusi Perwakilan
2.	Sefullah bin Tauhid Ahmed	Setiausaha Perwakilan
3.	Anuar bin Ali	Perwakilan
4.	Anas Asri bin Othman	Perwakilan
5.	Mohammed Nijam bin Johari	Perwakilan
6.	Shahril bin Hassan	Perwakilan
7.	Shafida binti Ishak	Perwakilan

SELANGOR

1.	Norazak bin Mohd Tohar	Pengerusi Perwakilan
2.	Khairul Nizam bin Ismail	Setiausaha Perwakilan
3.	Mohd Zilin bin Ismail	Perwakilan
4.	Zalma binti Mohamed Tajuddin	Perwakilan
5.	Khairil Izhar bin Md Yahya	Perwakilan
6.	Syed Ahmad Khiriza bin Syed Aidros	Perwakilan
7.	Huzairie bin Ramli	Perwakilan
8.	Hasma Arida binti Ahmad	Perwakilan

PERAK

1.	Mohsin bin Ahmad	Pengerusi Perwakilan
2.	Abdul Samad bin Alang Ahmad	Setiausaha Perwakilan
3.	Fauziana binti Mohd Yusof	Perwakilan
4.	Mohd Sharuddin bin Mat Idris	Perwakilan
5.	Sabarudin bin Hussin	Perwakilan
6.	Mahamad bin Razali	Perwakilan
7.	Anol Reezal bin Tajudin	Perwakilan

NEGERI SEMBILAN

1.	Nor Hizam bin Hashim	Pengerusi Perwakilan
2.	Khairul Nizam bin Jamalludin	Setiausaha Perwakilan
3.	Mohd Firdaus Qusairy bin Mohd Yusof	Perwakilan
4.	Ahmad Zamzuri bin Abdullah	Perwakilan
5.	Haris bin Hassan	Perwakilan

MELAKA

1.	Al-Naim bin Jenal	Pengerusi Perwakilan
2.	Zuliana binti Zainal Abidin	Setiausaha Perwakilan
3.	Mohd Faizal bin Hashim	Perwakilan
4.	Aluay bin Ahmad	Perwakilan
5.	Norazlina binti Ahmad	Perwakilan
6.	Adzli bin Ahmad	Perwakilan

JOHOR

1.	Mazlan bin Mahat	Pengerusi Perwakilan
2.	Norhayati binti Jaafar	Setiausaha Perwakilan
3.	Daud bin Mohd Jeni	Perwakilan
4.	Noor Aziha binti Abd Aziz	Perwakilan
5.	Zahari bin Limat	Perwakilan
6.	Nor Azizah binti Hadirman	Perwakilan
7.	Mohd Najib bin Rembeli	Perwakilan
8.	Zulhadi bin Salim	Perwakilan
9.	Rosli bin Tamok	Perwakilan
10.	Fariza binti Abdul Hamid	Perwakilan

PAHANG

1.	Mohd Syahiri bin Mohamed Hazri	Pengerusi Perwakilan
2.	Noor Ziena Amira binti Othman	Setiausaha Perwakilan
3.	Shapinah binti Nordin	Perwakilan
4.	Noor Aznieta binti Ibrahim	Perwakilan
5.	Aznan bin Hassan	Perwakilan

KEDAH/PERLIS

1.	Mohd Zamir bin Azmi	Pengerusi Perwakilan
2.	Nor Rosidi bin Hj. Aziz	Setiausaha Perwakilan
3.	Mohamad Shukri bin Baharom	Perwakilan
4.	Ade Noorazman bin Abd Tahir	Perwakilan
5.	Rozaima bin Ridzuan	Perwakilan

PULAU PINANG

1.	Ariff bin Ahmad	Pengerusi Perwakilan
2.	Azlina binti Taib	Setiausaha Perwakilan
3.	Rohasidie bin Abd Rahim	Perwakilan
4.	Mohd Zuhairi bin Mohd Jaafar	Perwakilan
5.	Ahmad Nizam bin Said @ Razak	Perwakilan

SABAH

- | | | |
|----|------------------------------|-----------------------|
| 1. | Roseni Stephen | Pengerusi Perwakilan |
| 2. | Jaounah binti Ompongoh | Setiausaha Perwakilan |
| 3. | Mohd Ahyar bin Ahmad | Perwakilan |
| 4. | Mohd Zuraidil Han bin Sabara | Perwakilan |
| 5. | Hirmizali bin Tabin @ Tahir | Perwakilan |
| 6. | Ebel Ciew Yun Ken | Perwakilan |
| 7. | Farrid bin Jamir | Perwakilan |
| 8. | Roslin binti Mabaris | Perwakilan |

SARAWAK

- | | | |
|----|----------------------------------|-----------------------|
| 1. | Anarita binti Rabai'e | Pengerusi Perwakilan |
| 2. | Mohamed Rafik bin Mohamed Yoosuf | Setiausaha Perwakilan |
| 3. | Omeli bin Mun | Perwakilan |
| 4. | Bohori bin Jimaah | Perwakilan |
| 5. | Misah binti Sabani | Perwakilan |
| 6. | Mizam @ Halmi Jemaine | Perwakilan |

TERENGGANU

- | | | |
|----|------------------------|-----------------------|
| 1. | Mohd Hadafi bin Ali | Pengerusi Perwakilan |
| 2. | Ahmad Fauzi bin Yusof | Setiausaha Perwakilan |
| 3. | Azri bin Abdullah | Perwakilan |
| 4. | Muhamad Fadli bin Long | Perwakilan |
| 5. | Kamal bin Abu Bakar | Perwakilan |

KELANTAN


- | | | |
|----|--------------------------------|-----------------------|
| 1. | Kartini binti Hushin | Pengerusi Perwakilan |
| 2. | Kamarul Zaman bin Yasin | Setiausaha Perwakilan |
| 3. | Mohammad Mokhtar bin Abd Wahab | Perwakilan |
| 4. | Muhammed Hilme bin Mat Hassan | Perwakilan |
| 5. | Mohd Safizuan bin Safiee | Perwakilan |
| 6. | Hanipah binti Hassan | Perwakilan |



SENARAI NAMA PENGURUSAN

&

KAKITANGAN KOBANAS



MODAL INSAN & SEKRETARIAT

1.	Azman bin Mohd Sidek	Pengurus Modal Insan & Sekretariat
2.	Syahida binti Rasli	Eksekutif Sumber Manusia & Pentadbiran
3.	Nur Azizah binti Sagiman	Penolong Eksekutif Sekretariat
4.	Muhammad Noorul Azam bin Mafti	Pembantu Am
5.	Tinawati binti Sabirin	Pembantu Am

AKAUN & IT

1.	Abd Faris Shah bin Abd Razak	Pengurus Kewangan
2.	Nurul Salsabila binti Mohd Noor	Eksekutif IT
3.	Mardhiah binti Abdullah	Eksekutif Akaun
4.	Nurul Fakhira binti Mohd Radzi	Penolong Eksekutif Akaun

PERNIAGAAN & SOKONGAN

Bahagian Kredit

1.	Noor Shabudin bin Shafie	Pengurus Kredit
2.	Norsyahira Afiqah binti Abdel Hikim	Eksekutif Sokongan Perniagaan
3.	Siti Hawa binti Hoziri	Kerani Kredit
4.	Khazmi bin Abu Kasim	Kerani Kredit

Bahagian Hartanah

1.	Muhammad Azrul Nazwan bin Mohd Nadzri	Eksekutif Sokongan Perniagaan
----	---------------------------------------	-------------------------------

Bahagian Tempat Letak Kereta (TLK) & Kafe

1.	Ismail bin Mohd Noor	Penyelia
2.	Saenah binti Misdin	Pembantu Kafe
3.	Nur Halipah binti Othman	Pembantu Kafe
4.	Mohd Khairul Adham bin Ali	Pembantu Kafe
5.	Zul Helmi bin Asnawi	Pembantu Kafe
6.	Hosen	Pembantu Kafe
7.	Mohd Sufian bin Ab Wahab	Atendan TLK
8.	Amirullah bin Zakaria	Atendan TLK
9.	Md Zukri bin Sabirin	Atendan TLK

Bahagian Ar-Rahnu

1. Nurul Asyiqin binti Khairi Muhar Eksekutif Sokongan Perniagaan

Ar-Rahnu Cawangan Setiawangsa

1. Muhammad Asyraf bin Jaafar Penyelia Ar-Rahnu
2. Mashila binti Md Som Penaksir Ar-Rahnu

Ar-Rahnu Cawangan Kuala Terengganu

1. Nazurah binti Mat Nasir Penyelia Ar-Rahnu
2. Nurul Aqilah binti Mohd Hanapi Penaksir Ar-Rahnu
3. Fatin Umairah Amalyn binti Mat Kamal Penaksir Ar-Rahnu

Bahagian Farmasi

1. Fatin Nurain binti Shamshul Bahrin Eksekutif Sokongan Perniagaan

Farmasi Cawangan Alam Budiman

1. Sheera Fazleenda binti Kasuadinata Pegawai Farmasi
2. Che Ummi Aida binti Sahdan Pembantu Farmasi
3. Nur Alia Elissa binti Muhammad Izhar Pembantu Farmasi
4. Nur Aisyah Aqilah binti Mohd Fadzil Pembantu Farmasi

Farmasi Cawangan Wangsa Melawati



1. Alia Maisarah binti Ahsan Pembantu Farmasi
2. Alya Zulaikha binti Mohd Nazri Pembantu Farmasi

Bahagian Promosi

1. Muhammad Haziq bin Zalkanian Penolong Eksekutif Sokongan Perniagaan

PERNIAGAAN & SOKONGAN CAWANGAN KUALA TERENGGANU

1. Mohd Kamil bin Mustafa Eksekutif Takaful
2. Wan Suzana binti Wan Abas Pegawai Cawangan
3. Nabilah binti Abdul Hamid Pegawai Pemasaran



JAWATANKUASA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-31 KOBANAS

PENASIHAT JAWATANKUASA/ Pengerusi Kobanas

Hamzah bin Hj. Ibrahim

AHLI JAWATANKUASA

Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor

Harudin Asmal bin Haron

Izham bin Ismail

Suzana binti Abdul Malik

Azman bin Mohd Sidek

Abd Faris Shah bin Abd Razak

Nurul Salsabila binti Mohd Noor

Syahida binti Rasli

Nur Azizah binti Sagiman

Noor Shabudin bin Shafie

Muhammad Azrul Nazwan bin Mohd Nadzri

URUSETIA

Khazmi bin Abu Kasim

Muhammad Haziq bin Zalkanian


Muhamad Noorul Azam bin Mafti

Norsyahira Afiqah binti Abdel Hikim

Nurul Fakhira binti Mohd Radzi

Fatin Nurain binti Shamshul Bahrin

Nurul Asyiqin binti Khairi Muhar



ATURAN PERASMIAN

&

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-31 (MAPT)


ATURCARA
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-31 (MAPT)
KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD (KOBANAS)
22-23 JUN 2024
GRAND SWISS-BELHOTEL, MELAKA

Tarikh: 22 Jun 2024 (Sabtu)

- 2.00 pm – 3.00 pm - Pendaftaran / Check In
- 3.00 pm – 6.00 pm - Bicara Ilmu & Hala Tuju Koperasi / Hi-Tea
- 6.00 pm – 8.00 pm - Makan Malam / Solat
- 7.30 pm – 8.15 pm - Pendaftaran Kehadiran Perwakilan ke Majlis Perasmian MAPT
- 8.15 pm - Ketibaan :
Tetamu-tetamu Jemputan
- 8.20 pm - Bacaan Doa
- 8.30 pm - Ucapan Aluan & Pembentangan Prestasi Perniagaan KOBANAS,
Yang Berusaha En. Hamzah bin Hj. Ibrahim
- 9.15 pm - Ucapan Dan Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan
Kali Ke 31 KOBANAS
Yang Berbahagia En. Jay Khairil Jeremy bin Abdullah
Ketua Eksekutif BSN merangkap Penaung KOBANAS
- Penyampaian Anugerah KOBANAS
- 10.30 pm - Minum Malam / Bersurai

Tarikh : 23 Jun 2024 (Ahad)

- 7.00 am - 8.00 am - Pendaftaran
- 8.30 am - Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 31 bermula
- 10.00 am - Minum Pagi
- 10.15 am - Mesyuarat Bersambung
- 12.00 pm - Makan Tengahari / Bersurai
- 1.00 pm - Check Out



NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-31

KKBSNB/AGM.31/2024

1 Jun 2024

**Anggota Lembaga KOBANAS
Semua Perwakilan Negeri / Ibu Pejabat
Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS)**

Tuan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE 31

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 31 Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS) akan diadakan pada **23 Jun 2024 (Ahad) jam 8.30 pagi bertempat di Grand Swiss-BelHotel Melaka, No. 146, Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka.**

Agenda:

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat.
2. Melantik dua (2) orang Pencatat Minit.
3. Melantik jawatankuasa menentusahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 31.
4. Membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 30 yang diadakan pada 17 Jun 2023.
5. Menimbang :-
 - 5.1 Laporan Lembaga bagi tahun 2023.
 - 5.2 Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.
 - 5.3 Laporan Audit Luar.
 - 5.4 Pandangan Pengarah SKM ke atas akaun tahunan.
6. Menimbang dan meluluskan penyata akaun beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.
7. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan.
8. Menimbang dan meluluskan anggaran belanjawan bagi tahun 2025.
9. Memilih Anggota Lembaga mengikut bilangan kekosongan bagi sesi 2024/2025.
10. Meluluskan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga Koperasi.
11. Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga meluluskan skop pelaburan koperasi tidak melebihi RM20 juta bagi tahun 2024/2025.


12. Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga membuat pembiayaan luar tidak melebihi RM60 juta bagi tahun 2024/2025.
 - 12.1 Pembiayaan bagi modal pusingan pembiayaan Anggota KOBANAS sebanyak RM30 juta.
 - 12.2 Pembiayaan bagi modal pusingan perniagaan Ar-Rahnu sebanyak RM20 juta.
 - 12.3 Pembiayaan pembelian hartanah sebanyak RM10 juta.
13. Membincang dan meluluskan usul-usul Anggota Lembaga Koperasi.
14. Membincang dan meluluskan usul-usul yang disampaikan kepada setiausaha sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 31.
15. Menimbang dan meluluskan pindaan Undang-undang Kecil Koperasi, jika ada.
16. Meluluskan perbelanjaan kepada Jawatankuasa Audit Dalaman.
17. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut akta dan peraturan/aturan, jika ada.
 - 17.1 Aturan tadbir urus KOBANAS.
18. Melantik Juru Audit Luar; dan
19. Ucapan penangguhan.

Sekian.


Yang Benar,
Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad.



JAMSARI @ RIDZUAN BIN MOHD NOOR
Setiausaha



PRINSIP- PRINSIP KOPERASI



01 KEANGGOTAAN SUKARELA DAN TERBUKA

Koperasi adalah pertubuhan sukarela, terbuka kepada semua orang yang berupaya menggunakan perkhidmatannya dan sanggup menerima tanggungjawab keanggotaan, tanpa diskriminasi jantina, sosial, politik atau agama.

PRINSIP- PRINSIP KOPERASI

KAWALAN DEMOKRATIK ANGGOTA

02

Koperasi adalah pertubuhan demokratik yang dikawal oleh anggotanya dan terlibat secara aktif dalam pembentukan dasar-dasarnya untuk membuat keputusan. Lelaki dan wanita yang berkhidmat selaku perwakilan yang dipilih adalah tanggungjawab terhadap keanggotaan. Dalam asas koperasi, setiap anggota mempunyai hak-hak mengundi yang setaraf (satu anggota, satu undi) dan koperasi pada peringkat lain adalah dikelolakan dengan cara yang demokratik.

03 PENGLIBATAN EKONOMI ANGGOTA

Anggota-anggota membuat sumbangan setara dan mengawal secara demokratik terhadap modal koperasi mereka. Sebahagian daripada modal tersebut biasanya menerima saguhati terhad, jika ada terhadap modal yang dicarum sebagai satu syarat keanggotaan. Anggota yang memperuntukkan lebihan untuk salah satu atau kesemua daripada tujuan-tujuan berikut:

Membangunkan koperasi, mungkin dengan menubuhkan rezab di mana sekurang-kurangnya sebahagian daripadanya tidak boleh dibahagikan; memberi manfaat kepada anggota sejajar dengan urusan mereka di koperasi; dan menyokong kegiatan-kegiatan lain yang diluluskan oleh keanggotaan.

04 AUTONOMI DAN KEBEBASAN

Koperasi bersifat autonomi, pertubuhan membantu diri sendiri yang dikawal oleh anggota-anggotanya. Jika mereka membuat perjanjian dengan pertubuhan-pertubuhan lain, termasuk kerajaan atau mendapatkan modal dari sumber luaran, mereka melakukannya pada syarat-syarat yang memastikan kawalan demokratik oleh anggotanya dan mengekalkan autonomi koperasi mereka.

05 PENDIDIKAN LATIHAN DAN MAKLUMAT

Koperasi menyediakan pendidikan dan latihan untuk anggota dan perwakilan yang dipilih oleh pengurus dan kakitangan supaya mereka dapat menyumbangkan dengan berkesan terhadap pembangunan koperasi mereka. Mereka memberitahu masyarakat umum terutamanya golongan muda dan pemimpin mengenai keadaan dan manfaat berkoperasi.

KERJASAMA ANTARA KOPERASI KOPERASI

06


Koperasi melayani anggota-anggotanya secara paling berkesan dan mengukuhkan gerakan koperasi dengan berusaha bersama-sama melalui struktur tempatan, kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

PRIHATIN TERHADAP KOMUNITI

07


Di samping menumpukan kepada keperluan anggota, koperasi berusaha untuk mewujudkan pembangunan berdaya kekal komuniti mereka melalui dasar-dasar yang diterima anggota mereka.



**VISI, MISI
OBJEKTIF**

&

**MOTO
KOPERASI**



VISI

“Menjadi sebuah koperasi yang menawarkan perkhidmatan yang cemerlang dan memberi manfaat untuk mempertingkatkan sosio-ekonomi anggota.”

MISI

“Menyediakan kemudahan pembiayaan patuh Syariah dan memperkasa nilai pelaburan serta modal insan bagi mempertingkatkan sosio – ekonomi anggota.”

“Meningkatkan prestasi kewangan dengan menjana pendapatan perniagaan yang memberi pulangan yang tinggi dan perkhidmatan berkualiti kepada pihak berkepentingan.”

01

Memastikan perkhidmatan dan pentadbiran kewangan yang berkualiti.

02

Memastikan koperasi sentiasa bergerak di landasan yang betul selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

03

Mewujudkan modal insan yang berilmu, mahir dan berhemah tinggi.

OBJEKTIF KOBANAS

04

Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan sejajar dengan perkembangan semasa dengan sokongan teknologi maklumat.

05

Memastikan perniagaan dan pelaburan memperolehi pulangan yang setimpal.



MOTO **KOBANAS**

**KOBANAS Hak
Milik Bersama
Di BSN**



MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KALI KE-30

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE 30
KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD (KOBANAS)**

TARIKH : 17 JUN 2023 (SABTU)
MASA : 2.30 PM HINGGA 5.30 PM
TEMPAT : BILIK MAWAR, PUSAT PEMBELAJARAN BSN BANGI

KEHADIRAN

BIL	KEHADIRAN	HADIR	TIDAK HADIR
1.	ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	12	0
2.	PERWAKILAN	104	0
JUMLAH KEHADIRAN		116	0

TURUT HADIR

BIL	KEHADIRAN	JUMLAH KEHADIRAN
1.	JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	5
2.	JAWATANKUASA BADAN PENELITI	4
3.	WAKIL SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)	1
4.	WAKIL JURUAUDIT LUAR	1

AGENDA 1: MELANTIK Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 En. Hamzah bin Hj. Ibrahim (Pengerusi KOBANAS) memaklumkan para perwakilan mesyuarat bahawa berdasarkan peruntukan dalam Undang-undang Kecil KOBANAS di perkara 34(1), Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi KOBANAS. Bersesuaian dengan peruntukan ini, beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke-30 bagi sesi 2023/2024 ini dipengerusikan oleh beliau sendiri.
- 1.2 Sehubungan dengan itu, beliau selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan ribuan terima kasih kepada semua perwakilan yang hadir bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke-30 bagi sesi 2023/2024.
- 1.3 Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBrs. En. Amran bin Abdul Kadir, Naib Pengerusi Eksekutif, SKM di atas kehadiran dan kesudian merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke-30. Beliau juga mengucapkan terima kasih atas kehadiran En. Jay Khairil Jeremy bin Abdullah, Ketua Eksekutif BSN selaku penaung KOBANAS di majlis perasmian ini.
- 1.4 Sebelum mesyuarat diteruskan, Pengerusi meminta En. Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor (Setiausaha KOBANAS) untuk mengumumkan jumlah kehadiran mesyuarat. Beliau memaklumkan mesyuarat kali ini mendapat kehadiran penuh daripada semua perwakilan Negeri iaitu seramai 104 orang.

AGENDA 2: MELANTIK DUA (2) ORANG PENCATAT MINIT

- 2.1 Bagi melancarkan proses penyediaan minit mesyuarat, Pengerusi mencadangkan untuk melantik dua (2) orang Pencatat Minit di kalangan perwakilan. Beliau telah mencadangkan Pn. Mazlina binti Malik (Perwakilan Ibu Pejabat) dan Pn. Zahariah binti Abdullah (Perwakilan Ibu Pejabat) dilantik bagi memudahkan urusan penentusah minit mesyuarat.
- Cadangan ini disokong dan diterima sebulat suara oleh semua perwakilan mesyuarat.
- 2.2 Oleh yang demikian, Pengerusi mengumumkan pelantikan Pn. Mazlina binti Malik dan Pn. Zahariah binti Abdullah sebagai Pencatat Minit.

AGENDA 3: MELANTIK JAWATANKUASA PENENTUSAH MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOBANAS KALI KE-30

- 3.1 Pengerusi meminta Setiausaha KOBANAS memberi penerangan berhubung dengan pelantikan Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung tersebut.

Setiausaha KOBANAS memaklumkan kepada para perwakilan mengenai proses pemilihan Jawatankuasa Penentusah yang mana komposisinya adalah seperti berikut:

- Empat (4) orang terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK); dan
 - Enam (6) orang terdiri dari kalangan perwakilan Negeri
- 3.2 Pengerusi mencadangkan senarai nama ALK sebagai Pegawai Penentusah Minit Mesyuarat seperti berikut:
- En. Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor
 - En. Mohd Kamaruzaman bin Nor
 - En. Rosafandi bin Hj. Rusli
 - En. Izham bin Ismail
- Cadangan ini disokong dan diterima sebulat suara oleh semua perwakilan.
- 3.3 En. Mohd Saini bin Mohd Shariff (Perwakilan Kuala Lumpur) mencadangkan supaya Jawatankuasa Penentusah di kalangan Perwakilan Kuala Lumpur dilantik seperti berikut:
- En. Anuar bin Ali
 - En. Shahril bin Hassan
 - Pn. Shafida binti Ishak
- 3.4 En. Faizal bin Mohamed (Perwakilan Ibu Pejabat) mencadangkan supaya Jawatankuasa Penentusah di kalangan Perwakilan Ibu Pejabat dilantik seperti berikut:
- En. Meor Mohd Tarmizzi bin Meor Mohd Shukri
 - En. Mohd Redzuan bin Omar
 - En. Ali bin Abdul Aziz
- Cadangan ini disokong dan diterima sebulat suara oleh semua perwakilan.

- 3.5 Berdasarkan keputusan di atas, Pengerusi mengumumkan senarai Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke-30 bagi tahun 2023 yang dilantik iaitu:

BIL	SENARAI NAMA	JAWATAN
1.	En. Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor	Anggota Lembaga Koperasi
2.	En. Mohd Kamaruzaman bin Nor	Anggota Lembaga Koperasi
3.	En. Rosafandi bin Hj. Rusli	Anggota Lembaga Koperasi
4.	En. Izham bin Ismail	Anggota Lembaga Koperasi
5.	En. Anuar bin Ali	Perwakilan Kuala Lumpur
6.	En. Shahril bin Hassan	Perwakilan Kuala Lumpur
7.	Cik Shafida binti Ishak	Perwakilan Kuala Lumpur
8.	En. Meor Mohd Tarmizzi bin Meor Mohd Shukri	Perwakilan Ibu Pejabat
9.	En. Mohd Redzuan bin Omar	Perwakilan Ibu Pejabat
10.	En. Ali bin Abdul Aziz	Perwakilan Ibu Pejabat

AGENDA 4: MEMBENTANGKAN DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOBANAS KALI KE-29 PADA 18 JUN 2022

En. Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor selaku Setiausaha KOBANAS membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke-29 bertarikh 18 Jun 2022 seperti di mukasurat 13 hingga 39.

- Minit mesyuarat dicadangkan dan disahkan sebulat suara daripada semua perwakilan.

AGENDA 5: MENIMBANG

- 5.1 LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN 2022
- 5.2 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM
- 5.3 LAPORAN JURUAUDIT LUAR
- 5.4 PANDANGAN PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) KE ATAS AKAUN TAHUNAN

5.1 LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN 2022

- 5.1.1 Pengerusi membentangkan Laporan Anggota Lembaga Koperasi bagi Tahun Kewangan 2022 seperti di mukasurat 41 hingga 44:
 - a) Mencapai keuntungan bersih RM2,997,998 berbanding RM2,355,395 tahun 2021, peningkatan sebanyak 27.28% (RM642,603).
 - b) Jumlah pembiayaan anggota RM38,599,130 berbanding RM37,147,536 (2021), meningkat sebanyak 3.91% (RM1,451,594).
 - c) Baki modal syer anggota RM13,072,834 berbanding RM12,981,004 (2021), meningkat sebanyak 0.71% (RM91,830).
 - d) Modal yuran anggota RM18,246,525 berbanding RM16,933,263 (2021), meningkat sebanyak 7.76% (RM1,313,261).
 - e) Keanggotaan koperasi 4,397 orang berbanding 4,548 orang (2021), penurunan seramai 151 orang (3.32%)

- 5.1.2 Bagi aktiviti projek, terdapat peningkatan dan penurunan berikutan ekonomi semasa yang semakin pulih dari situasi pandemik Covid-19 seperti berikut:-
- a) Projek Kantin Wisma BSN menunjukkan prestasi keuntungan yang positif RM123,552 berbanding (RM10,395) bagi tahun 2021 dan Ar-Rahnu pula (RM183,820) kepada (RM50,434) bagi tahun 2021.
 - b) Manakala projek Tempat Letak Kereta (TLK) dan homestay mengalami penurunan keuntungan jika dibandingkan dengan tahun terdahulu kerana menanggung kos kerja-kerja penambahbaikan sistem parkir dan homestay yang masih dalam proses peningkatan selari dengan pertumbuhan industri pelancongan.
- 5.1.3 Pelan Perancangan Strategik 2023-2025 akan memberi keutamaan kepada sektor-sektor tersebut:
- a) Keanggotaan, Kemudahan & Kebajikan
 - b) Ar-Rahnu dan Aktiviti Perniagaan
 - c) Pembiayaan dan Takaful
 - d) Hartanah
 - e) Modal Insan & Pentadbiran

5.2 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 5.2.1 En. Rosli bin Husshin selaku Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) membentangkan Laporan JAD bagi tahun 2022 di mukasurat 45 hingga 48. Beliau memaklumkan dalam Laporan JAD telah memfokuskan lima (5) perkara iaitu:
- a) Pencapaian keseluruhan KOBANAS
 - b) Pendapatan daripada aktiviti KOBANAS sepanjang tahun
 - c) Perbelanjaan KOBANAS
 - d) Kumpulan Wang Anggota – Modal syer dan modal yuran
 - e) Jumlah aset KOBANAS
- 5.2.2 Hasil semakan mendapati berdasarkan Prestasi Kewangan 2022, KOBANAS telah diuruskan dengan baik dan masih kekal relevan dalam mencapai matlamat penubuhannya serta dapat memberi manfaat kepada 4,397 anggotanya.
- Pengerusi mencadangkan laporan ini diterima dan telah dipersetujui dengan sebulat suara oleh semua perwakilan.

5.3 LAPORAN AUDIT LUAR

En. Abd Razak bin Nazah wakil daripada A. Razak & Co. membentangkan Laporan Juruaudit Luar bermula dari mukasurat 49 hingga 54 adalah benar dan saksama selaras dengan piawai yang telah ditetapkan serta patuh pada Akta Koperasi 1993.

- Semua perwakilan mesyuarat bersetuju dan menerima sebulat suara laporan tersebut.

5.4 PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) KE ATAS AKAUN TAHUNAN

Pengerusi membentangkan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ke atas Akaun Tahunan 2022 di mukasurat 55 hingga 56.

- a) Honorarium yang disediakan perlu menunjukkan dengan jelas sebarang pergerakan termasuk cadangan, pembayaran dan pelarasan yang dibuat pada tahun semasa.
 - b) Selain itu, akaun-akaun dan kunci kira-kira disediakan selaras dengan peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 2010 dan Garis Panduan Penyeliaan Koperasi.
- • Semua perwakilan mesyuarat menerima dan bersetuju sebulat suara laporan tersebut.

AGENDA 6: MENIMBANG DAN MELULUSKAN PENYATA AKAUN BERAUDIT YANGBERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022

- 6.1 En. Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu selaku Bendahari KOBANAS membentangkan Penyata Akaun Tahunan 2022 dengan meminta perwakilan merujuk kepada mukasurat 57 hingga 61 (Kunci Kira-Kira mukasurat 57-58 dan Akaun Untung Rugi mukasurat 59-61).
 - 6.1.1 Di mukasurat 57, aset tetap KOBANAS berjumlah RM15,014,901.57 berbanding RM14,672,045.66 pada tahun 2021. Aset separa tetap berjumlah RM43,965,119.67 (RM44,890,924.20) diikuti aset semasa RM26,136,424.32 (RM7,547,448.11) dan liabiliti semasa RM16,504,830.07 (RM7,139,078.62).
 - 6.1.2 Di mukasurat 57-58 menunjukkan modal syer anggota yang terdapat peningkatan sebanyak RM91,830.00 bersamaan dengan 0.71% daripada RM12,981,003.81 kepada RM13,072,833.81. Kumpulan Wang Rizab Statutori adalah sebanyak RM9,577,402.01 berbanding RM8,917,842.58 (2021). Pembiayaan berjangka sebanyak RM12,663,497.44 berbanding RM6,543,947.56 (2021), meningkat sebanyak RM6,119,549.88 (93.51%).
 - 6.1.3 Di mukasurat 59, dividen dicadangkan (modal syer anggota + yuran anggota) sebanyak RM1,995,000 bersamaan 66.54% dari keuntungan bersih tahun semasa 2022.
 - 6.1.4 Di mukasurat 60, jumlah pendapatan meningkat kepada RM6,637,527.71 daripada RM5,535,688.32 (2021) dan baki perbelanjaan dihantar ke hadapan juga meningkat kepada RM1,976,223.20 daripada RM1,735,348.41 di tahun 2021.
 - 6.1.5 Di mukasurat 61, terdapat denda sebanyak RM46.02. Jumlah perbelanjaan sebanyak RM3,639,529.96 berbanding dengan RM3,180,293.02 (2021). Untung bersih sebanyak RM2,997,997.75 meningkat daripada RM2,355,395.30 pada tahun 2021.

AGENDA 7: PEMILIHAN ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT BILANGAN KEKOSONGAN BAGI TAHUN 2023/2024

7.1 En. Mohd Nazir bin Jasin (Pengerusi Jawatankuasa Badan Peneliti) memaklumkan bahawa notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke-30 telah dikeluarkan pada 16/05/2023. Berdasarkan peraturan, empat (4) ALK wajib mengosongkan jawatan.

7.2 Beliau memaklumkan senarai nama-nama ALK yang wajib mengosongkan jawatan kerana telah tamat tempoh perkhidmatan seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	En. Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu	Anggota Lembaga Koperasi
2.	Tuan Hj. Mohd Ghazali bin Abu Zahid	Anggota Lembaga Koperasi
3.	En. Megat Zulkifli bin Megat Mohamad	Anggota Lembaga Koperasi
4.	Pn. Suzana binti Abdul Malik	Anggota Lembaga Koperasi

Borang pencalonan telah diterima pada 07/06/2023 jam 4.00 petang oleh pihak Jawatankuasa Badan Peneliti. Setelah disemak dan disahkan, kesemua calon layak bertanding bagi sesi 2023/2024.

7.3 Memandangkan hanya empat (4) calon sahaja yang telah mengembalikan borang bagi mengisi kekosongan empat (4) jawatan itu, maka Jawatankuasa Badan Peneliti telah mengesahkan yang keempat-empat pencalonan adalah menang tanpa bertanding dan dilantik semula.

Maka dengan ini Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi 2023/2024 yang telah dilantik semula adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	En. Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu	Anggota Lembaga Koperasi
2.	Tuan Hj. Mohd Ghazali bin Abu Zahid	Anggota Lembaga Koperasi
3.	En. Megat Zulkifli bin Megat Mohamad	Anggota Lembaga Koperasi
4.	Pn. Suzana binti Abdul Malik	Anggota Lembaga Koperasi

AGENDA 8: MENIMBANG SERTA MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2024

8.1 En. Zainuddin bin Hj Ngah Rabu (Bendahari KOBANAS) seterusnya merujuk mukasurat 94 hingga 96, yang merupakan anggaran belanjawan bagi tahun 2024 di mana jumlah keuntungan atas pembiayaan yang dijangkakan sebanyak RM5,671,000 diikuti jumlah pendapatan dari komisyen RM300,000 dan jumlah lain-lain pendapatan RM1,311,500 serta jumlah untung bersih projek Koperasi adalah RM1,225,000. Oleh itu anggaran jumlah besar pendapatan bersih bagi tahun 2024 adalah dijangkakan sebanyak RM8,507,500.

8.2 Pada mukasurat 95, jumlah perbelanjaan Lembaga adalah sebanyak RM219,400, perbelanjaan JAD RM22,500 dan perbelanjaan kakitangan RM2,688,000.

- 8.3 Pada mukasurat 96, perbelanjaan pentadbiran ialah RM630,500, perbelanjaan penyelenggaraan harta tetap berjumlah RM194,000, lain-lain perbelanjaan berjumlah RM286,000, perbelanjaan kewangan berjumlah RM440,000, susutnilai harta tetap berjumlah RM520,400 serta jumlah perbelanjaan keseluruhan adalah RM5,000,800. Jangkaan untung bersih bagi tahun 2024 berjumlah RM3,506,700.
- Pengerusi memberikan pencerahan terhadap penyata kewangan untung rugi sebelum mencadangkan laporan ini diterima dan telah dipersetujui dengan sebulat suara oleh semua perwakilan.

AGENDA 9: MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

- 9.1 Pengerusi meminta supaya merujuk pada mukasurat 89, elaun kepada Anggota Lembaga Koperasi adalah seperti dalam perbelanjaan Lembaga. Beliau memaklumkan bahawa elaun-elaun kehadiran juga dibayar bagi Mesyuarat Pengurusan mingguan, Mesyuarat Khas (projek, JAD, perniagaan Ar-Rahnu) yang diadakan setiap petang Jumaat.
- 9.2 Pengerusi juga membenteng kadar-kadar elaun dan kemudahan yang diperolehi oleh semua ALK bagi makluman dan pengetahuan semua perwakilan yang hadir. (Sila rujuk Lampiran).
- Semua Perwakilan mesyuarat menerima dan bersetuju sebulat suara kadar-kadar elaun ALK yang dicadangkan tersebut.

AGENDA 10: MELANTIK JURUAUDIT LUAR

Pengerusi mencadangkan agar ALK diberi kuasa untuk memilih dan melantik Juruaudit Luar.

- Perwakilan mesyuarat menerima dan bersetuju sebulat suara memberi kuasa kepada ALK untuk melantik Juruaudit Luar.

AGENDA 11: MEMBERI KUASA KEPADA ANGGOTA LEMBAGA MELULUSKAN SKOP PELABURAN KOPERASI TIDAK MELEBIHI RM20 JUTA BAGI TAHUN 2023/2024

Pengerusi memaklumkan Skop Pelaburan KOBANAS dikekalkan sebanyak RM20 juta sepertimana kelulusan tahun 2023.

- Semua perwakilan mesyuarat menerima dan bersetuju sebulat suara.

AGENDA 12: MEMBERI KUASA KEPADA ANGGOTA LEMBAGA MEMBUAT PINJAMAN LUAR TIDAK MELEBIHI RM60 JUTA BAGI TAHUN 2023/2024

Pengerusi memaklumkan pada agenda pembiayaan perlu dipecahkan mengikut kategori seperti di bawah:-

- a) Pembiayaan Anggota
- b) Pembiayaan Ar-Rahnu
- c) Pembelian Harta Tanah

- Semua perwakilan mesyuarat menerima dan bersetuju sebulat suara.

AGENDA 13: MENIMBANG SERTA MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN TAHUN 2022

- 13.1 Bendahari KOBANAS membentangkan kepada perwakilan Agenda 13 dengan merujuk kepada mukasurat 59 Buku Laporan Tahunan 2022 seperti berikut:
- 13.1.1 Mukasurat 59, keuntungan bersih, selepas tolak pembahagian berkanun 25% adalah berjumlah RM749,499.45.
 - 13.1.2 Peruntukan cukai RM0.00.
 - 13.1.3 Peruntukan zakat perniagaan RM101,508.96.
 - 13.1.4 Cadangan pembayaran dividen sebanyak 8% ke atas modal syer beserta dividen bonus tambahan 2% atas modal syer bagi anggota yang menyumbang melalui pembiayaan berjumlah RM1,028,000.00.
 - 13.1.5 Cadangan pembayaran dividen sebanyak 6% ke atas yuran anggota berjumlah RM967,000.00.
 - 13.1.6 Cadangan memindahkan keuntungan terkumpul ke Tabung Kebajikan Anggota berjumlah RM13,950.00.
 - 13.1.7 Cadangan pembayaran Honorarium ALK berjumlah RM48,000.
 - 13.1.8 Pindahan ke Kumpulan Wang Penebusan Syer sebanyak RM10,000.
 - 13.1.9 Pindahan ke Tabung Saham Akhirat sebanyak RM30,000.
- 13.2 Pengerusi turut memaklumkan di mana pemberian % dividen KOBANAS bagi Tahun Kewangan 2022 masih berada pada tahap yang baik berbanding dengan koperasi dan Institusi Kewangan yang lain. Pembayaran dividen dijangka akan bayar kepada semua anggota pada 20 Jun 2023.
- Semua perwakilan mesyuarat menerima dan bersetuju sebulat suara atas pembahagian keuntungan yang disarankan.

AGENDA 14: MEMBINCANGKAN DAN MELULUSKAN USUL-USUL ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Pengerusi memaklumkan hanya terdapat empat (4) usul daripada Anggota Lembaga Koperasi seperti di bawah:

USUL ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI																														
<p>1. Kesemua perwakilan sedia ada bagi sesi 2023/2025 yang ingin bertanding semula pada pemilihan perwakilan sesi 2025/2027 MAK akan datang perlulah menghadiri 2 kursus koperasi. Peraturan ini dicadangkan agar kesemua perwakilan memperoleh pengetahuan mengenai pengurusan koperasi di samping itu dapat sama-sama membantu memajukan KOBANAS. Peraturan ini juga akan melayakkan perwakilan untuk bertanding sebagai calon ALK pada setiap AGM. Digalakkan perwakilan menghadiri Kursus Wajib 1 dan Wajib 2.</p>																														
<p>2. Mana-mana perwakilan baru sesi 2025/2027 yang terpilih perlu menghadiri 2 kursus koperasi dalam tempoh 1 tahun daripada tarikh lantikan sebagai perwakilan. Digalakkan perwakilan menghadiri Kursus Wajib 1 dan Wajib 2.</p>																														
<p>3. Pelaksanaan KPI dan insentif kepada setiap negeri mulai tahun 2024</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>No</th> <th>Aktiviti / Perniagaan</th> <th>Capai</th> <th>Insentif</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>3.1</td> <td>Pembiayaan</td> <td>100% Sasaran tahunan</td> <td>RM 2,000</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">3.2</td> <td>Takaful</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>3.2.1 Kereta</td> <td>100 kes tahunan</td> <td>RM 1,000</td> </tr> <tr> <td></td> <td>3.2.2 Motosikal</td> <td>100 kes tahunan</td> <td>RM 500</td> </tr> <tr> <td>3.3</td> <td>Promosi barangan konsumer negeri yang diuruskan oleh perwakilan</td> <td>12 kali setahun</td> <td>RM 1,000</td> </tr> <tr> <td>3.4</td> <td>Peratusan anggota tertinggi yang membuat pembiayaan semasa promosi negeri untuk tempoh setahun</td> <td>20%</td> <td>RM 1,000</td> </tr> </tbody> </table>				No	Aktiviti / Perniagaan	Capai	Insentif	3.1	Pembiayaan	100% Sasaran tahunan	RM 2,000	3.2	Takaful			3.2.1 Kereta	100 kes tahunan	RM 1,000		3.2.2 Motosikal	100 kes tahunan	RM 500	3.3	Promosi barangan konsumer negeri yang diuruskan oleh perwakilan	12 kali setahun	RM 1,000	3.4	Peratusan anggota tertinggi yang membuat pembiayaan semasa promosi negeri untuk tempoh setahun	20%	RM 1,000
No	Aktiviti / Perniagaan	Capai	Insentif																											
3.1	Pembiayaan	100% Sasaran tahunan	RM 2,000																											
3.2	Takaful																													
	3.2.1 Kereta	100 kes tahunan	RM 1,000																											
	3.2.2 Motosikal	100 kes tahunan	RM 500																											
3.3	Promosi barangan konsumer negeri yang diuruskan oleh perwakilan	12 kali setahun	RM 1,000																											
3.4	Peratusan anggota tertinggi yang membuat pembiayaan semasa promosi negeri untuk tempoh setahun	20%	RM 1,000																											
<p>4. Perwakilan negeri perlu mengadakan mesyuarat setiap dua (2) bulan bersama dengan mentor bagi membincangkan prestasi perniagaan terutama pencapaian KPI yang telah disasarkan mengikut negeri bagi pembiayaan, takaful dan lain-lain termasuk keanggotaan. Bayaran elaun akan diberikan setelah minit mesyuarat berkaitan dikemukakan ke pejabat KOBANAS untuk pengesahan.</p>																														

AGENDA 15: MEMBINCANGKAN DAN MELULUSKAN USUL-USUL YANG DISAMPAIKAN KEPADA SETIAUSAHA SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOBANAS KALI KE-30

15.1 Pengerusi membentangkan enam (6) usul yang diterima daripada perwakilan. Pada masa yang sama Pengerusi mengingatkan semua perwakilan supaya semua usul yang dikemukakan perlu mengambilkira untuk kelestarian dan kecemerlangan KOBANAS serta lebih berkualiti. Usul yang diterima perlu dibincangkan terlebih dahulu di peringkat perwakilan bersama Mentor sebelum dibawa ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS.

15.2 Enam (6) usul yang diterima adalah daripada Perwakilan Ibu Pejabat

NEGERI	:	IBU PEJABAT		
NAMA	:	NUR HARYATI BINTI MAT DESA	NO ANGGOTA	: 04924
Bil	Usul	Jawapan		
1.	<p>KOBANAS perlu membuat semakan semula parkir kakitangan kerana terdapat kakitangan yang mempunyai parkir tetapi telah memberikan kemudahan parkir kepada rakan-rakan lain untuk menggunakan tapak parkir mereka dengan mengenakan caj berlebihan. KOBANAS perlu membuat statistik keluar masuk parkir dan kemudahan ini perlu diberikan kepada yang benar-benar memerlukan yang tiada akses kemudahan awam dan perlu membawa kereta untuk ke tempat kerja.</p> <p>Terdapat segelintir yang tidak mempunyai sticker parkir telah menggunakan kad akses rakan yang mempunyai kad akses parkir. Semakan sticker parkir perlu ada dan data kenderaan menggunakan parkir bagi mengetahui kakitangan yang benar-benar menggunakan kemudahan parkir sahaja yang layak diberikan tapak parkir. Bagi kakitangan yang jarang / tiada rekod keluar masuk perlu ditarik balik dan diberikan kepada yang lebih memerlukan.</p>	<p>Cadangan/usul diterima.</p> <p>Pihak KOBANAS ambil maklum dan akan membuat tindakan yang sewajarnya. KOBANAS juga berharap sekiranya ada berlaku kes-kes yang dinyatakan, anggota adalah diminta untuk melaporkan ke pejabat KOBANAS dengan memberikan maklumat yang lengkap supaya tindakan lebih cepat dilaksanakan kerana kes ini adalah merupakan kes salahlaku dan boleh diambil tindakan sewajarnya samada oleh pihak KOBANAS ataupun BSN.</p> <p>Berkaitan dengan keperluan kemudahan tempat letak kenderaan, KOBANAS berpendapat seseorang yang memohon memang memerlukan parkir bagi meletak kenderaan mereka.</p>		

NEGERI	:	IBU PEJABAT			
NAMA	:	NIK ARSHAD BIN NIK DAUD	NO ANGGOTA	:	03962
Bil	Usul		Jawapan		
2.	Pakir motosikal berbumbung penuh ditengah-tengah laluan supaya apabila masa hujan tidak basah untuk mengambil motosikal.		Cadangan/Usul ditolak. Pembinaan Tempat Letak Motosikal berbumbung ini adalah dibawah tanggungjawab BSN. KOBANAS hanya operator yang menguruskan operasi parkir.		
3.	Mohon pihak KOBANAS membuat semakan keatas motosikal yang tidak digunapakai / tersadai di dalam parkir bagi memberi ruang kepada pembayar anggota KOBANAS untuk parkir bagi mengelakkan parkir tidak mencukupi.		Cadangan/Usul diterima. Tindakan sewajarnya akan diambil.		
4.	Bagi mengawal selia parkir motosikal digunakan oleh bukan anggota pembayar / orang luar pihak KOBANAS perlu mewujudkan <i>access card</i> bagi pintu masuk pakir motosikal bagi mengelakkan salah guna parkir dan mengelakkan kes-kes kecurian.		Cadangan/Usul diterima. Cadangan dipertimbangkan, kajian akan dilakukan dan ianya bergantung kepada kos pemasangan yang akan terlibat.		
NEGERI	:	IBU PEJABAT			
NAMA	:	ZAHIER HUSSEIN BIN NINA MOHAMED	NO ANGGOTA	:	02938
5.	Mohon kajian pembahagian dividen (saham) sama rata kepada semua anggota yang membuat pelaburan dan bukannya seperti tahun lepas yang mana terdapat pembahagian dividen kepada 2 kategori iaitu pelabur yang membuat pembiayaan mendapat lebih daripada pelabur yang tidak membuat pembiayaan.		Cadangan/Usul di tolak. Pembayaran kadar dividen adalah bergantung kepada prestasi tahunan KOBANAS. Pembayaran insentif dividen bonus sebelum ini telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 28. Pemberian insentif ini merupakan salah satu penghargaan kepada anggota - anggota yang sama - sama membantu / menyumbang kepada pendapatan KOBANAS melalui pembiayaan.		
NEGERI	:	IBU PEJABAT			
NAMA	:	MUHAMMAD FAIZAL BIN ARIFFIN	NO ANGGOTA	:	03488
6.	Mencadangkan apa-apa usul melibatkan implikasi kewangan KOBANAS hendaklah dibincangkan oleh Lembaga KOBANAS. Selepas ada kajian baru boleh di putus pada mesyuarat agung tahunan berikutnya.		Cadangan/Usul diterima.		

AGENDA 16: MENIMBANG DAN MELULUSKAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI, JIKA ADA

Tiada pindaan undang-undang kecil untuk dibincangkan.

AGENDA 17: MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN KEPADA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Tiada perubahan dan masih kekal pada kadar semasa.

- Semua perwakilan menerima dan bersetuju sebulat suara.

AGENDA 18: MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT AKTA DAN PERATURAN (JIKA ADA)

Tiada laporan untuk dibincangkan.

AGENDA 19: HAL-HAL LAIN

- 19.1 Pn. Kartini binti Hushin (Pengerusi Perwakilan Kelantan) mengatakan email pemakluman Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke-30 terlalu singkat, dalam masa yang sama pada tarikh notis dikeluarkan ramai anggota yang sibuk dengan Pesta Sukan BSN dan mungkin terlepas pandang tarikh akhir mengemukakan usul.
- 19.2 Beliau memohon supaya Buku Peraturan Undang-undang Kecil Koperasi dimuatnaik ke dalam portal KOBANAS agar memudahkan anggota membaca dan memahami kandungan peraturan tersebut.
- 19.3 Pn. Kartini juga memohon penjelasan pelaburan yang dibuat ke atas pembelian *Vending Machine* (rujuk muka surat 94) kerana keuntungan yang diisytiharkan hanya pada tahun 2022 sahaja.
- 19.4 Beliau juga meminta kesahihan dan penjelasan berkenaan dengan beberapa kakitangan KOBANAS yang berhenti atau meletak jawatan dalam masa yang terdekat kerana pada pandangan beliau ianya boleh menjejaskan imej sesuatu organisasi seperti KOBANAS.

Penjelasan/Komen

- a) Pengerusi menjelaskan bahawa pemakluman Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke-30 yang dikeluarkan telah mengikut aturan mesyuarat dan garis panduan yang ditetapkan. Anggota sendiri perlu peka dan tidak menggunakan situasi tersebut sebagai alasan lewat mendapat maklumat.
- b) Berkenaan dengan Buku Undang-undang Kecil yang dicadangkan untuk dimuatnaik ke dalam portal KOBANAS akan diambil tindakan segera.

- c) Pengerusi memaklumkan bahawa KOBANAS tidak membeli Vending Machine dan sebaliknya menyewa mesin tersebut. Penyewaan mesin ini dikawal selia oleh syarikat yang dilantik, memandangkan keuntungan yang tidak memberangsangkan dan syarikat tersebut tidak komited, Pengurusan KOBANAS sependapat agar tidak meneruskan pelaburan ini.
- d) Pengerusi dengan tegas memaklumkan bahawa beliau tiada kuasa untuk menghalang fenomena ini berlaku. Kakitangan yang meletak jawatan atau berhenti daripada KOBANAS adalah untuk perkembangan kerjaya mereka dan ada yang mendapat tawaran gaji yang lebih tinggi.

19.5 En. Mohd Saini bin Mohd Shariff (Perwakilan Kuala Lumpur) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kecemerlangan ALK di bawah pimpinan Pengerusi dalam mencapai prestasi yang memberangsangkan. Beliau juga mencadangkan agar semua perwakilan diberikan elaun tambahan untuk Baju Korporat agar kehadiran dalam mesyuarat tampil lebih seragam dan menarik

Penjelasan/Komen

Pengerusi mengatakan tiada masalah untuk meluluskan elaun berkenaan dan akan dibincangkan pada mesyuarat ALK kerana melibatkan bajet tambahan.

AGENDA 20: UCAPAN PENANGGUHAN

- 20.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua perwakilan yang hadir pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke-30. Beliau memohon maaf bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi seandainya terdapat kesilapan atau terkasar bahasa semasa beliau mempengerusikan mesyuarat pada kali ini.
- 20.2 Pengerusi menasihatkan agar semua Anggota Lembaga Koperasi dan para perwakilan dapat menjalankan tugas dengan penuh berintegriti ke arah kemajuan dan kecemerlangan KOBANAS.
- 20.3 Beliau juga mengingatkan semua yang hadir agar lebih peka kepada Aturan & Etika Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS supaya tidak menyentuh isu-isu sensitif dan menghormati keharmonian mesyuarat.
- 20.4 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.30 petang, 17 Jun 2023.

PENCATAT MINIT 1




(ZAHARIAH ABDULLAH)
Perwakilan Ibu Pejabat



PENCATAT MINIT 2



(MAZLINA MALIK)
Perwakilan Ibu Pejabat

**PERAKUAN JAWATANKUASA PENENTUSAH
MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOBANAS KALI KE-30**

BIL	NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1.	En. Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor	Anggota Lembaga Koperasi	
2.	En. Mohd Kamaruzaman bin Nor	Anggota Lembaga Koperasi	
3.	En. Rosafandi bin Hj. Rusli	Anggota Lembaga Koperasi	
4.	En. Izham bin Ismail	Anggota Lembaga Koperasi	
5.	En. Meor Mohd Tarmizzi bin Meor Mohd Shukri	Perwakilan Ibu Pejabat	
6.	En. Mohd Redzuan bin Omar	Perwakilan Ibu Pejabat	
7.	En. Ali bin Abdul Aziz	Perwakilan Ibu Pejabat	
8.	En. Anuar bin Ali	Perwakilan Kuala Lumpur	
9.	En. Shahril bin Hassan	Perwakilan Kuala Lumpur	
10.	Cik Shafida binti Ishak	Perwakilan Kuala Lumpur	



LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

KEHADIRAN MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (ALK)

Selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil (UUK) 40 (2) Mesyuarat ALK bagi tahun 2023 telah di adakan sebanyak 12 kali. Senarai kehadiran ALK pada mesyuarat berkenaan adalah sepertimana berikut:

NO	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN MESYUARAT
1	Hamzah bin Hj. Ibrahim	Pengerusi	12/12
2	Mohamad Khasnieddy bin Khasimi @ Mohamed	Naib Pengerusi	11/12
3	Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor	Setiausaha	11/12
4	Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu	Bendahari	11/12
5	Suzana binti Abdul Malik	Penolong Setiausaha	10/12
6	Kamaruzaman bin Abdul Kayum	Penolong Bendahari	12/12
7	Harudin Asmal bin Haron	Anggota Lembaga	8/12
8	Hj. Mohd Ghazali bin Abu Zahid	Anggota Lembaga	11/12
9	Mohd Kamaruzaman bin Nor	Anggota Lembaga	11/12
10	Rosafandi bin Hj. Rusli	Anggota Lembaga	10/12
12	Megat Zulkifli bin Megat Mohamad	Anggota Lembaga	9/12
13	Izham bin Ismail	Anggota Lembaga	11/12

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN 2023

Saya selaku Pengerusi Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad dengan rasa rendah hati dan sukacitanya membentangkan Laporan Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS) bersama Akaun Beraudit, Laporan Juruaudit Luar dan Laporan Juruaudit Dalam bagi tahun kewangan 2023 serta ulasan dan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi tahun kewangan 2023. Laporan ini dibentangkan untuk mendapat kelulusan anggota perwakilan semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 31.

Bagi tahun kewangan 2023, KOBANAS telah memperolehi pendapatan berjumlah RM8,726,286 berbanding tahun 2022 berjumlah RM6,637,528 iaitu peningkatan sebanyak RM2,088,758 (23.90%). Bagi tahun kewangan 2023, KOBANAS telah memperolehi keuntungan bersih berjumlah RM3,366,528 berbanding RM2,997,998 tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak RM368,530 (10.94%). Berdasarkan kepada prestasi ini KOBANAS bukan saja mampu mengekalkan keuntungan malah dapat meningkatkan keuntungan bagi tahun kewangan 2023 walaupun terdapat ketidaktentuan momentum ekonomi global terutamanya di Malaysia.

Ini adalah merupakan tahun ke dua puluh empat (24) berturut-turut KOBANAS telah mencatat keuntungan. Keuntungan yang konsisten dari tahun ke tahun ini, adalah merupakan hasil tadbir urus yang baik dan pengurusan kewangan yang berkesan sepertimana yang dikehendaki oleh anggota serta mengikut segala peraturan yang disarankan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Pembiayaan Anggota

Aktiviti pembiayaan kepada anggota masih lagi menjadi teras utama aktiviti perniagaan KOBANAS dimana jumlah keseluruhan amaun pembiayaan setakat 31 Disember 2023 adalah berjumlah RM43,396,691 iaitu peningkatan sebanyak RM4,797,561 (11.05%) berbanding tahun 2022 sebanyak RM38,599,130. Jumlah pendapatan daripada aktiviti pembiayaan ini pada tahun 2023 berjumlah RM4,824,400 berbanding tahun 2022 berjumlah RM4,327,711 dengan peningkatan sebanyak RM496,689 (10.29%).

Modal Syer Anggota

Modal Syer Anggota menunjukkan penurunan daripada baki sebanyak RM13,072,834 pada 31 Disember 2022 kepada RM12,890,490 pada 31 Disember 2023. Penurunan sebanyak RM182,344 (1%). Penurunan ini adalah disebabkan ramai anggota bersara dari perkhidmatan bank dan ada juga anggota yang mengeluarkan sebahagian daripada syer mereka bagi tujuan peribadi.

Modal Yuran Anggota

Modal Yuran Anggota adalah meningkat daripada RM18,246,525 pada 31 Disember 2022 kepada RM19,019,985 pada 31 Disember 2023 iaitu peningkatan sebanyak RM773,460 (4.06%). Peningkatan modal yuran ini menunjukkan keyakinan anggota untuk terus mencarum melalui potongan gaji dan prestasi kewangan yang baik terutamanya dari segi pembayaran dividen yang konsisten setiap tahun.

Keanggotaan Koperasi

Keanggotaan KOBANAS menunjukkan peningkatan daripada 4,397 orang anggota pada akhir tahun 2022 kepada 4,443 orang anggota pada akhir tahun 2023, dengan peningkatan seramai 46 orang (1.03%). Faktor peningkatan ini banyak disumbangkan oleh kegiatan promosi yang dilakukan oleh perwakilan negeri bagi menggalakkan kakitangan BSN menjadi anggota disamping peningkatan keyakinan terhadap prestasi KOBANAS yang baik dari tahun ke tahun.

Aktiviti Projek

Prestasi aktiviti projek-projek bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

Projek	Untung Rugi (RM)		Perbezaan (RM)	Peratusan %	Catatan
	2023	2022			
Kantin Wisma BSN	131,852	123,552	8,300	6.7%	Peningkatan
Tempat Letak Kereta (TLK)	46,147	22,113	24,034	109%	Peningkatan
Homestay	4,450	4,672	(222)	(5%)	Penurunan
Ar-Rahnu	310,891	(50,434)	361,325	716%	Peningkatan

Berdasarkan kepada penyata, tiga aktiviti projek iaitu Kantin, Tempat Letak Kereta dan Ar-Rahnu menunjukkan prestasi keuntungan yang baik terutama keuntungan Ar-Rahnu yang amat mengalakkan dan pihak Lembaga yakin dengan prestasi perniagaan ini akan meningkat dari tahun ke tahun manakala aktiviti projek *Homestay* mengalami sedikit penurunan keuntungan tahun 2023 jika dibandingkan dengan pencapaian tahun 2022.

Pelaburan Harta Tanah

Melalui aktiviti pelaburan harta tanah, KOBANAS telah pun mempunyai 18 harta tanah melibatkan bangunan rumah kedai, kondominium, rumah teres dan 3 unit residensi Brisdale Hotel. Kos belian keseluruhan adalah berjumlah RM16 juta. Anggaran harga semasa keseluruhan harta tanah ini melebihi RM20 juta. Senarai harta tanah adalah seperti berikut :

<u>Bil</u>	<u>Jenis Harta</u>	<u>Lokasi</u>	<u>Kos Belian (RM)</u>
1	Rumah kedai 3 tingkat	Wangsa Melawati, Kuala Lumpur	700,000
2	Rumah kedai 4 tingkat	Bandar Seri Putra Bangi Selangor	1,987,000
3	Rumah kedai 3 tingkat	Wangsa Maju, Kuala Lumpur	1,500,000
4	Rumah berkembar 1 tingkat	Pantai Batu Hitam, Kuantan, Pahang	270,000
5	Rumah kedai 3 tingkat	Bandar Meru Raya Ipoh, Perak	948,000
6	Rumah berkembar 1 tingkat	Mukim Kuala Nerus, Terengganu	290,000
7	Tanah	Cabang Tiga, Kuala Terengganu	2,150,000
8	Rumah teres 2 tingkat	Mukim Bukit Piatu, Melaka Tengah	310,000
9	Apartment 2 unit	Austin Hills, Johor Bharu	800,920
10	Rumah kedai 4 tingkat	Jelatek Business Park Kuala Lumpur	2,450,000
11	Rumah kedai 2 tingkat	Larkin Jaya, Johor Bharu	500,000
12	Rumah kedai 3 ½ tingkat	Kuala Terengganu	1,980,000
13	Apartment 3 bilik	Marina Court Kota Kinabalu	750,000
14	Apartment SOHO	Metrocity Square, Kuching Sarawak	419,000
15	3 unit Residensi	Brisdale Hotel, Kuala Lumpur	1,026,000
JUMLAH			16,080,920

Daripada keseluruhan aktiviti pelaburan harta tanah ini KOBANAS telah berjaya memperoleh pendapatan sewaan berjumlah RM649,400 pada tahun 2023 dan ianya dijangka meningkat pada tahun 2024.

Jenis Harta	Lokasi	Status	Pendapatan Bulanan (RM)	Pendapatan Tahunan (RM)
Rumah Kedai	Wangsa Melawati, Kuala Lumpur	Disewakan	6,000	72,000
	Bandar Seri Putra Bangi Selangor	Disewakan	16,000	192,000
	Wangsa Maju, Kuala Lumpur	Disewakan	2,800	33,600
	Jelatek Business Park Kuala Lumpur	Disewakan	2,800	33,600
	Kuala Terengganu	Disewakan	2,800	33,600
	Larkin Jaya, Johor Bharu	Disewakan	3,900	46,600
Rumah Teres	Pantai Batu Hitam, Kuantan, Pahang	Disewakan	800	9,600
	Mukim Bukit Piatu, Melaka Tengah	Disewakan	700	8,400
Bangunan	Cabang Tiga, Kuala Terengganu	Disewakan-Mulai bulan Feb23	20,000	220,000
			55,800	649,400

Dividen

Bagi tahun kewangan 2023, Anggota Lembaga Koperasi telah bersetuju mencadangkan pembayaran dividen pada kadar 9% atas saham berserta bonus tambahan sebanyak 1% atas saham bagi anggota yang menyumbang kepada keuntungan KOBANAS melalui pembiayaan dengan jumlah dividen sebanyak RM1,142,600 dan 6% atas simpanan caruman sebanyak RM1,044,200 dengan jumlah keseluruhan pembayaran dividen sebanyak RM2,186,800 telah diperuntukkan. Pembayaran dividen ini adalah bergantung kepada pencapaian keuntungan KOBANAS, sekiranya ada keuntungan maka ianya akan dikembalikan semula kepada anggota dalam bentuk dividen.

Pengiktirafan

Dari segi pencapaian peringkat nasional, KOBANAS masih diiktiraf antara 100 koperasi terbaik seluruh negara dengan menduduki tempat ke 76 daripada 15,809 buah koperasi yang ada di seluruh negara. Pengurusan KOBANAS berasa bangga dengan pengiktirafan ini dan akan terus memperbaiki prestasi KOBANAS agar berada di landasan yang betul dengan bersandarkan kepada peraturan-peraturan serta arahan-arahan yang dibuat oleh pihak SKM.

Pembangunan Aplikasi Baharu

Bagi memudahkan anggota untuk barangan konsumer, KOBANAS telah membangunkan satu (1) aplikasi atas talian yang diberi nama *e-kobaMall*. Melalui *e-kobaMall*, anggota boleh memilih barang konsumer keperluan berdasarkan senarai di laman aplikasi tersebut. Aplikasi ini telah dilancarkan pada 15 Mac 2024. Memohon sokongan anggota untuk menggunakan aplikasi ini bagi tujuan meningkatkan pembiayaan KOBANAS.

Pelan Perancangan Strategik 2021-2023

Berdasarkan kepada pelan perancangan strategik 2021 - 2023 pencapaian telah diperolehi melebihi 80% daripada perancangan yang telah dibuat.

No	Perniagaan Telah Dilancarkan	Lokasi
1	Ar-Rahnu 1	Setiawangsa
2	Ar-Rahnu 2	Kuala Terengganu
3	Farmasi 1	Alam Budiman
4	Farmasi 2	Wangsa Melawati

KOBANAS juga dalam perancangan untuk menambah dua (2) lagi cawangan Ar-Rahnu yang dijangka beroperasi pada tahun 2025 kerana perniagaan ini terbukti dapat menjana pulangan yang baik untuk pendapatan koperasi pada masa akan datang.

Penghargaan




Saya mewakili Anggota Lembaga Koperasi KOBANAS dengan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

1. Suruhanjaya Koperasi Malaysia
2. ANGKASA
3. Pengurusan Tertinggi BSN
4. Perwakilan dan anggota KOBANAS yang setia memberikan sokongan dan kerjasama kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk mentadbir KOBANAS
5. Semua kakitangan KOBANAS di atas sumbangan, usaha dan jasa mereka dalam melaksanakan tanggungjawab bagi menjayakan operasi KOBANAS.

Sekian, terima kasih.



(HAMZAH BIN HJ. IBRAHIM)
Pengerusi KOBANAS



LAPORAN JURUAUDIT DALAMAN

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM KE ATAS PENYATA KEWANGAN
KOBANAS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Pengenalan:

Mengikut kuasa Akta Koperasi 1993, Seksyen 49 (1) & (2) serta kaedah-kaedah yang diperuntukan di bawahnya dan Undang-Undang Kecil Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS), Anggota Lembaga Koperasi (ALK) telah melantik Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) bagi memastikan tanggungjawab dan hal ehwal KOBANAS dijalankan mengikut matlamat penubuhan Undang-undang Kecil serta keputusan Mesyuarat Agung.

Keanggotaan JAD KOBANAS bagi sesi 2023/2024 telah dicadangkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bil 85/2023 pada 18 Ogos 2023. Ianya telah dipersetujui oleh ALK pada Mesyuarat ALK Bil. 377 bertarikh 25 Ogos 2023 dan mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2023. Senarai JAD adalah seperti berikut:

NO	NAMA	JAWATAN
1	En. Rosli bin Husshin	Pengerusi
2	En. Mohd Abkalisatul Rohaizad bin Abd Karim	Setiausaha
3	En. Syafeq Effendi bin Ramli	Anggota
4	En. Muhammad Izwan bin Abd Rahim	Anggota
5	Pn. Nur Aliah binti Kassim	Anggota

Bagi menjalankan tanggungjawab dan peranan sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta Koperasi 1993 serta Undang-undang Kecil KOBANAS, pihak JAD telah mengaudit Penyata Kewangan KOBANAS bagi tahun berakhir setakat 31 Disember 2023.

Laporan Prestasi Kewangan dan aliran tunai KOBANAS bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023 serta pemerhatian dan cadangan JAD melalui siri pengauditan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023/2024 adalah seperti berikut:

1. Peningkatan Jumlah Aset Bagi Tahun Kewangan 2023 berbanding 2022

Berdasarkan Kunci Kira-Kira Penyata Kewangan Berakhir setakat 31 Disember 2023, Jumlah Aset KOBANAS (Aset Bukan Semasa & Aset Semasa) berjumlah RM92,535,498.20, meningkat sebanyak 8.71% (RM7,419,052.64) berbanding RM85,116,445.56 pada tahun 2022.

Pembiayaan Anggota (RM37,113,865.26), Penghutang Perdagangan (RM11,994,769.53) dan Pelbagai Penghutang (RM11,919,044.99) merupakan portfolio utama yang menyumbang kepada peningkatan jumlah aset bagi Tahun Kewangan 2023.

Aset	RM	
	2023	2022
Aset Bukan Semasa	60,603,266.09	58,980,021.24
Aset Semasa	31,603,266.09	26,136,424.32
Jumlah Aset	92,535,498.20	85,116,445.56

2. Pendapatan Aktiviti Teras/Utama Meningkatkan Pada Setiap Tahun Kewangan (2021 - 2023)

Pendapatan melalui aktiviti teras/utama KOBANAS menunjukkan perkembangan yang positif di mana berlaku trend peningkatan pada setiap tahun kewangan untuk tempoh 3 tahun terakhir (2021 - 2023). Pendapatan KOBANAS bagi tahun kewangan 2023 berjumlah RM8,726,285.96, meningkat sebanyak 31.46% (RM2,088,758.25) berbanding RM6,637,527.71 (2022) manakala RM5,535,688.32 pada tahun 2021.

Butiran lengkap Pendapatan Daripada Aktiviti, Perbelanjaan dan Keuntungan Bersih Tahun Semasa seperti jadual di bawah:

Tahun Kewangan	RM		
	Jumlah Pendapatan	Jumlah Perbelanjaan	Keuntungan Bersih
2023	8,726,285.96	5,359,757.64	3,366,528.32
2022	6,637,527.71	3,639,529.96	2,997,997.75
2021	5,535,688.32	3,180,293.02	2,355,395.30

Antara aktiviti teras/utama yang menyumbang kepada peningkatan Jumlah Pendapatan bagi Tahun Kewangan 2023 adalah seperti berikut:

- Ar-Rahnu meningkat sebanyak RM738,220.68 (151.35%) kepada RM1,225,946.51 berbanding RM487,725.83.
- Farmasi yang mula beroperasi pada tahun 2003 (Januari - Alam Budiman) dan (Jun - Wangsa Melawati) merekod pendapatan berjumlah RM551,039.48.
- Pelbagai Pendapatan berjumlah RM442,432.92 berbanding RM188,284.19 pada Tahun kewangan 2022.

3. Perbelanjaan KOBANAS Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2023

Jumlah Perbelanjaan melibatkan Kos Aktiviti, Perbelanjaan Am & Pelbagai Perbelanjaan merekodkan 61.42% berbanding 54.83% (2022) daripada keseluruhan pendapatan KOBANAS. Beberapa perbelanjaan menunjukkan peningkatan memberi kesan kepada keuntungan bersih antaranya Ar-Rahnu dan Farmasi. Bagaimanapun, perbelanjaan tersebut bersifat material seperti kos penggajian, promosi, penyelenggaraan bangunan, ubahsuai pejabat, susutnilai sebagainya.

- Kos aktiviti Ar-Rahnu pada Tahun Kewangan 2023 berjumlah RM915,055.11 menjadikan keuntungan bersih hanya 33.97% atau RM310,891.40.
- Aktiviti Farmasi merekodkan kerugian bersih (RM330,253.33) di mana kos perbelanjaan/ operasi berjumlah RM881,292,81 berbanding pendapatan RM551,039.48.

4. Kumpulan Wang Anggota - Modal Syer & Modal Yuran Bagi Tahun Kewangan 2023

Kumpulan Wang Anggota berjumlah RM46,942,650.57 meningkat 1.23% (RM571,934.53) berbanding RM46,370,716.04 pada tahun 2022. Modal Syer Anggota dan Modal Yuran Anggota masing-masing merekodkan RM12,890,489.81 dan RM19,013,985.36, merupakan penyumbang terbanyak kesuluruhan Kumpulan Wang Anggota pada setiap Tahun Kewangan.

Peruntukkan dividen (dividen yang dicadangkan) sebanyak 9% berserta dividen bonus tambahan 1% bagi anggota yang meyumbang kepada keuntungan KOBANAS melalui pembiayaan manakala Modal Yuran sebanyak 6%. Kedua-dua cadangan tersebut melibatkan peruntukkan masing - masing berjumlah RM1,142,600.00 dan RM1,044,200.00 sebagai pulangan kepada para pelabur/anggota.

5. Liabiliti Bagi Tahun Kewangan Sehingga 31 Disember 2023

Lialibiti (Liabiliti Bukan Semasa & Liabiliti Semasa) turut berlaku peningkatan sebagaimana jadual di bawah. Bagi Liabiliti Bukan Semasa ianya melibatkan pembiayaan berjangka daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Co-op Bank Pertama Malaysia Berhad masing-masing berjumlah RM10,680,280.26 dan RM4,260,656.70.

Liabiliti	2023 (RM)	2022 (RM)	Beza
Liabiliti Bukan Semasa	14,940,936.96	12,663,497.44	2,277,439.52
Liabiliti Semasa	20,737,855.83	16,403,321.11	4,334,534.72

Tiada peningkatan yang ketara melibatkan portfolio di bawah Liabiliti Semasa kecuali Pelbagai Pemiutang meningkat sebanyak RM3,322,548.37 kepada RM12,708,055.53 pada Tahun Kewangan 2023 berbanding RM9,385,507.16 pada tahun 2022.

6. Siri Pengauditan Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) Tahun 2023

Bagi Siri Lantikan 2023/2024, JAD telah melaksanakan beberapa siri pengauditan sebagaimana Pelan & Skop yang telah ditetapkan serta turut terlibat dengan 'ad hoc review'. Setiap penemuan telah dibincangkan bersama pihak Pengurusan dan ALK KOBANAS berhubung dengan cadangan pembaikan dan tindakan penyelesaian terutama melibatkan penemuan yang diklasifikasikan sebagai **Berisiko Tinggi**. Semua pihak telah memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan setiap penemuan telah diambil tindakan yang sewajarnya.

7. Rumusan Keseluruhan JAD

Berdasarkan kepada prestasi Kewangan 2023, secara keseluruhannya KOBANAS telah diuruskan dengan baik/cekap dan kekal relevan untuk mencapai matlamat penubuhannya serta dapat memberi manfaat kepada 4,443 orang anggotanya.

Pelan perancangan perniagaan strategik dilihat berdaya saing serta mampu menjana pendapatan yang baik kepada KOBANAS pada tahun yang mendatang. Semua warga kerja dari pelbagai peringkat sama ada pengurusan mahu pun ALK sentiasa memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan pelan perancangan perniagaan dapat dilaksanakan dan pada masa yang sama, penelitian ke atas risiko yang mungkin akan memberi kesan kepada pencapaian objektif turut diberi perhatian yang sewajarnya.

8. Penghargaan

JAD merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan siri pengauditan JAD sebagaimana kuasa yang telah diperuntukan kepada JAD.

Sekian, terima kasih.




Syefiq Effendi Mohd Ramli
(Ahli, Jawatankuasa Audit Dalam)
Tarikh: 15.05.2024




Mohd Abkhalisatul Rohaizad Abd Karim
(Setiausaha, Jawatankuasa Audit Dalam)
Tarikh: 15.05.2024



Rosli Husshin
(Ketua, Jawatankuasa Audit Dalam)
Tarikh: 15.05.2024



LAPORAN JURUAUDIT LUAR (A.RAZAK.CO)



KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Kepada:

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota - anggota Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad

Laporan Terhadap Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad, yang mangandungi Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2023, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi, dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta nota - nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 46 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti - entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian - piawaian tersebut dijelaskan dibawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

Kami merupakan juruaudit yang bebas daripada Koperasi selaras dengan By - Laws (*Professional Ethics, Conduct and Practice*), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan *International Ethics Standards Board for Accountants' Code of Ethics for Professional Accountants* ("Kod IESBA") dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan Kod IESBA.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengennainya

Para Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab ke atas maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit mengennainya. Maklumat lain termasuk penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit mengennainya.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenaunya (samb.)

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Koperasi dan ini tidak termasuk penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenaunya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Koperasi, menjadi tanggungjawab kami untuk membaca penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi dan mempertimbangkannya sama ada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi, maka kami dikehendaki melaporkannya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Para Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti - entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Para Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab menilai kemampuan Koperasi untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan para Anggota Lembaga Koperasi berniat untuk membubarkan Koperasi atau menghentikan operasi.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenaunya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (samb.)

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawai Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan keraguan profesional. Kami juga :-

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur - prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Koperasi.
- Memahami kawalan dalaman yang relevan kepada audit bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh para Anggota Lembaga Koperasi.
- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh para Anggota Lembaga Koperasi untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Koperasi meneruskan operasinya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Koperasi dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walau bagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Koperasi tidak lagi beroperasi sebagai usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan ke atasnya, sama ada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (samb.)

Kami juga berkomunikasi dengan para Anggota Lembaga Koperasi mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.

Laporan ke atas Undang - undang dan Peraturan Lain

Selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa rekod perakaunan dan rekod - rekod lain termasuk daftar yang diperiksa oleh kami telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan di dalam Piawaian.

Lain - lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada Anggota - anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini




A. RAZAK & CO.
Akauntan - akauntan Bertauliah
No. Firma: AF 0842



ABD. RAZAK BIN HJ. NAZAHDIN
No. Juruaudit: SKM (B) 0350
Akauntan Bertauliah
Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: **02 MAY 2024**



LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA



**KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)**

**LAPORAN BERKANUN LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (C) AKTA KOPERASI 1993**

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Kegiatan utama Koperasi meliputi pemberian kemudahan pembiayaan kepada anggota atau skim perdagangan barang-barang keperluan anggota-anggota seperti alat elektrik, barang-barang kemas, motorsikal dan sebagainya mengikut keperluan anggota-anggota, wakil insuran, menyediakan perkhidmatan tempat letak kereta, perniagaan kantin dan sewaan bangunan.

Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan peraturan yang diperbuat di bawahnya, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:-

- a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang abnormal sifatnya mengikut takrif subseksyen 59(4) Akta Koperasi 1993;
- b) Koperasi bercadang untuk mengeluarkan dividen sebanyak 9% atas modal syer berserta dividen bonus tambahan sebanyak 1% atas modal syer bagi anggota yang menyumbang kepada keuntungan KOBANAS melalui pembiayaan dan 6% atas yuran anggota yang dianggarkan masing-masing berjumlah RM1,142,600.00 dan RM1,044,200.00 kepada anggota-anggota koperasi tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Mesyuarat Agung;
- c) Koperasi juga bercadang memindahkan keuntungan terkumpul ke Tabung Kebajikan Anggota berjumlah RM11,800.00, honorarium lembaga berjumlah RM48,000.00, Kumpulan Wang Penebusan Saham berjumlah RM10,000.00 dan Tabung Saham Akhirat berjumlah RM30,000.00;
- d) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai;
- e) Dalam jangka masa yang diliputi oleh akaun untung rugi, tiada liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan;
- f) Anggota Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset tetap, aset semasa, liabiliti semasa, liabiliti jangka panjang, modal dan rizab yang ditunjukkan pada Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2023 adalah munasabah; dan

-----*Ruang ini sengaja dikosongkan*-----

**KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)**

**LAPORAN BERKANUN LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (C) AKTA KOPERASI 1993**

g) Anggota Lembaga Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti berikut;

Encik Hamzah bin Hj. Ibrahim	- Pengerusi
Encik Mohammad Khasnieddy bin Khasimi	- Naib Pengerusi
Encik Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor	- Setiausaha
Puan Suzana binti Abdul Malik	- Penolong Setiausaha
Encik Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu	- Bendahari
Encik Kamaruzaman bin Abdul Kayum	- Penolong Bendahari
Encik Mohd Kamaruzaman bin Nor	- Anggota Lembaga
Tuan Hj. Mohd Ghazali bin Abu Zahid	- Anggota Lembaga
Encik Rosafandi bin Hj. Rusli	- Anggota Lembaga
Encik Megat Zulkifli bin Megat Mohamad	- Anggota Lembaga
Encik Izham bin Ismail	- Anggota Lembaga
Encik Harudin Asmal bin Haron	- Anggota Lembaga

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(1)(c) Akta Koperasi 1993.



Hamzah bin Hj. Ibrahim
Pengerusi



Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor
Setiausaha



Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu
Bendahari

Kuala Lumpur
Tarikh: 02 May 2024



PANDANGAN SURUHANJAYA KE ATAS AKAUN TAHUNAN 2022



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA



Tel : 03 - 20834000
Faks: 03-20834100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Ruj.Kami : SKM.IP.(AUDIT):
N779/6235/5 Jld.5/(17)
Tarikh : 13/05/2024

Anggota Lembaga,
Anggota-anggota Koperasi,
Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional
Berhad
Wisma KOBANAS
No. 25, Jalan Jelatek 2,
Jelatek Business Park,
54200 KUALA LUMPUR

Tuan,

**PANDANGAN SURUHANJAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 59(2) AKTA KOPERASI
1993 KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR
PADA 31 DISEMBER 2022**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa akaun-akaun dan kunci kira-kira koperasi yang diaudit oleh juruaudit Abd Razak Bin Nazah Din dari firma A. Razak & Co. telah diterima oleh Suruhanjaya.

2. Pihak kami telah membuat semakan dan pemerhatian ke atas akaun-akaun dan kunci kira-kira serta nota-nota kepada akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.
3. Berdasarkan semakan dan pemerhatian ke atas akaun dan kunci kira-kira yang dikemukakan, kami ingin menarik perhatian berkenaan perkara-perkara berikut:

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI



Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2022

(a) Tabung penyelenggaraan homestay (Nota 22)

Sila maklum bahawa pengwujudan tabung yang ada kaitan dengan kos operasi perniagaan atau aktiviti koperasi adalah tidak dibenarkan. Ia adalah tidak selaras dengan Seksyen 56 dan 57(5) Akta Koperasi 1993. Oleh itu, sebarang kos penyelenggaraan hendaklah dicajkan ke akaun untung rugi dan pelarasan ke atas tabung ini hendaklah dibuat semasa penyediaan akaun tahun hadapan.

(b) Pelbagai Penghutang (Nota11)

Semakan mendapati beberapa item di bawah akaun pelbagai penghutang iaitu akaun Pendahuluan tunai Ar-Rahnu berjumlah RM5,200,925.00 dan akaun pendahuluan secara pindahan kredit kepada Ar-Rahnu berjumlah RM3,083,420.85 adalah transaksi dalaman antara aktiviti koperasi. Sila maklum bahawa perlakuan perakaunan bagi akaun pelbagai penghutang ini adalah tertakluk kepada ketetapan seksyen 11 (Instrumen Kewangan Asas) MPERS. Berdasarkan seksyen tersebut, akaun belum terima termasuk akaun pelbagai penghutang hendaklah mewakili jumlah yang terhutang oleh pihak luar (pelanggan) untuk barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh entiti dalam perjalanan biasa perniagaan. Ia merupakan aset yang mewakili hak entiti untuk menerima tunai daripada entiti lain.

Sehubungan itu, koperasi dikehendaki menyemak semula kedudukan akaun-akaun pelbagai penghutang ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi mematuhi kehendak piawaian perakaunan yang dinyatakan di atas. Ini adalah bagi memastikan kedudukan baki-baki akaun di penyata kewangan koperasi memberi gambaran yang benar dan saksama.

Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2022

(c) **Wakalah zakat perniagaan (Nota 25)**

Didapati akaun ini telah berbaki debit berjumlah RM2,000.00 pada tarikh Kunci Kira-Kira. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya koperasi menyimpan rekod yang sempurna dan memantau transaksi tambahan dan penggunaan dalam tahun. Pelarasan sewajarnya hendaklah dibuat ke atas perkara ini semasa penyediaan akaun tahun hadapan.

(d) **Laporan Pengurusan**

